

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong]**
TARIKH : **3.4.2014**
SOALAN :

Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang telah menamatkan pengajian mereka di Maktab Perguruan tetapi masih belum mendapat "*posting*" ke sekolah-sekolah Kerajaan dan kenapa terdapat kekurangan guru yang ketara di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seramai 6,071 graduan Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) keluaran tahun 2013 yang telah lulus pengajian dan diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, sejumlah 1965 telah ditempatkan pada bulan Januari dan Februari, manakala 4106 ditempatkan pada 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperaku lantikan tetap oleh SPP.

Berdasarkan Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) Bilangan 2 Tahun 2013, mereka yang gagal temu duga dibenarkan memohon semula

selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan temu duga dikeluarkan melalui Portal JobsMalaysia dan perlu bersaing secara kompetitif dengan graduan keluaran semasa untuk mengisi kekosongan jawatan yang terhad.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa statistik kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) secara keseluruhan di peringkat KPM berdasarkan data sehingga 17 Februari 2014 adalah seramai 849 orang guru. Masalah kekurangan guru di SJKC berlaku di atas faktor syarat tambahan yang ditetapkan oleh Kesatuan Lembaga Pengelola Sekolah iaitu guru-guru yang ditempatkan ke SJKC mesti lulus Bahasa Cina pada peringkat SPM untuk membenarkan mereka mengajar.

Rjm110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 3 APRIL 2014

SOALAN :

YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan tentang kegagalan program PR1MA mencapai sasarannya bagi membina 80,000 buah rumah pada tahun 2013, malahan setakat ini hanya meluluskan pembinaan 44,270 buah rumah sahaja, biarpun dengan peruntukan mencecah beratus-ratus juta.

JAWAPAN: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jaminan Kerajaan untuk menyediakan 500,000 rumah untuk golongan sasaran PR1MA telah pun bermula. Pada peringkat awal, di dalam menyiapkan sesebuah pembangunan, PR1MA masih perlu melalui beberapa proses sediada. Setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 80,494 unit dalam jangkamasa kurang dari setahun. Projek-projek tersebut merupakan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga pemaju swasta yang merangkumi pelbagai fasa. Kelulusan yang telah diberikan Anggota Perbadanan PR1MA adalah kelulusan secara dasar yang menilai lokasi cadangan pembangunan, kemudahan sediada serta akan datang, sosio-ekonomi setempat, nilai hartanah, nilai perumahan kawasan setempat dan analisa kemampuan golongan sasaran kawasan setempat cadangan pembangunan. Sebelum memuktamadkan harga rumah, sesetengah projek masih perlu melalui proses perbincangan dan rundingan mengenai harga dan kontrak bagi memastikan harga rumah yang ditawarkan adalah mampu dimiliki. Sesetengah projek yang lain pula sedang memperoleh kelulusan dari pihak berkuasa tempatan di mana Jangkamasa kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.

Alhamdulillah, PR1MA di dalam usia mudanya telah berjaya mendapat kelulusan dari Anggota Perbadanan PR1MA melebihi 80,000 unit rumah untuk dibangunkan di seluruh negara seperti yang

telah dimandatkan Kerajaan melalui Bajet 2013. PR1MA akan melancarkan pembangunan-pembangunan tersebut dalam masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.